



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
KOPERASI**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 3 Mac 2016.

Panduan Koperasi disemak sehingga 14 November 2014 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Koperasi disemak sehingga 3 Mac 2016.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2016 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Ringkas	1
LATAR BELAKANG KOPERASI	1
Peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia	2
Peranan Pertubuhan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA).....	2
LAYANAN CBP KE ATAS AKTIVITI KOPERASI	2
SOALAN-SOALAN LAZIM	4
PERTANYAAN	11
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP	11

PENGENALAN

1. Panduan Industri ini di sediakan untuk membantu anda untuk memahami layanan perundangan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) ke atas koperasi.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Ringkas

2. CBP adalah cukai berperingkat yang di kenakan ke atas pengguna dalam negeri. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai dalam Malaysia kecuali yang disenaraikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. CBP juga dikenakan keatas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh setiap perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah di setiap peringkat dikenakan cukai untuk mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

LATAR BELAKANG KOPERASI

5. Koperasi merupakan persatuan autonomi yang bersatu untuk memenuhi aspirasi ekonomi, sosial dan budaya bersama melalui sebuah syarikat milik bersama dan demokratik yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Ianya meliputi pelbagai sektor termasuk industri utama, pengilangan, pembinaan, perumahan, pengguna, pembangunan tanah, pengangkutan, kewangan / kredit atau perbankan, industri pertanian dan perkhidmatan.

Peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

6. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah sebuah badan berkanun yang menjalankan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan ke atas semua semua koperasi di Malaysia berdasarkan Akta Koperasi 1993. Peranan dan fungsi SKM adalah seperti berikut -

- (a) pendaftaran dan pembatalan pendaftaran koperasi dan memastikan koperasi berfungsi mengikut peruntukan Akta Koperasi 1993.
- (b) menggalakkan dan meningkatkan penubuhan dan pembangunan koperasi dalam semua sektor ekonomi dan membantu mempertingkatkan kecekapan koperasi.
- (c) memberi nasihat kepada menteri mengenai apa-apa perkara yang berhubungkait dengan koperasi.

Peranan Pertubuhan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA)

7. Pertubuhan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) adalah pertubuhan koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia juga berjuang untuk menjaga hak kepentingan gerakan koperasi di negara ini. Walau bagaimanapun ia tidak terlibat dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan ke atas koperasi.

LAYANAN CBP KE ATAS AKTIVITI KOPERASI

8. Secara am, pembekalan barang dan perkhidmatan oleh koperasi adalah pembekalan bercukai pada kadar standard. Bagaimanapun, layanan CBP untuk aktiviti-aktiviti koperasi adalah berbeza bergantung kepada jenis aktiviti. Berikut adalah contoh layanan CBP mengikut aktiviti-aktiviti koperasi:-

No.	Aktiviti	Jenis pembekalan
1.	Kredit & Kewangan	Dikecualikan
2.	Peruncitan	Bercukai pada kadar standard atau sifar
3.	Pengangkutan Awam	Dikecualikan

4.	Pengilangan	Bercukai pada kadar standard
5.	Pendidikan berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996	Dikecualikan
6.	Hartanah	Dikecualikan untuk rumah kediaman, bercukai pada kadar standard untuk bangunan komersial.

Untuk maklumat lanjut berhubung layanan ke atas pelbagai industri, sila rujuk kepada panduan industri CBP berkaitan.

SOALAN-SOALAN LAZIM

S1. Adakah pendaftaran CBP wajib untuk semua koperasi?

J1. Semua koperasi yang membuat pembekalan bercukai dan menjalankan aktiviti perniagaan di Malaysia serta memperoleh nilai jualan melebihi nilai ambang (nilai jualan) yang ditetapkan (RM500,000) dalam tempoh 12 bulan sama ada dalam tempoh yang lalu atau akan datang, adalah diwajibkan berdaftar di bawah dengan CBP.

Sesebuah koperasi boleh memilih untuk berdaftar secara sukarela walaupun belum melebihi nilai ambang. Bagaimanapun, setelah berdaftar secara sukarela, koperasi itu perlu berada di dalam sistem sekurang-kurangnya selama dua tahun.

Sila rujuk kepada Panduan Pendaftaran CBP untuk maklumat lanjut.

S2. Bagaimana untuk mengira nilai ambang?

J2. Untuk mengira nilai ambang, peniaga mesti memasukkan pengiraan pembekalan bercukai seperti berikut:-

- (a) Pembekalan berkadar standard (barang dan perkhidmatan tertakluk kepada CBP 6%).
- (b) Pembekalan berkadar sifar (barang dan perkhidmatan dikenakan CBP pada kadar 0%)
- (c) *Deemed supply* seperti menggunakan barang perniagaan untuk kegunaan sendiri;

tetapi tidak memasukkan:

- (i) Pembekalan yang dikecualikan seperti pengangkutan awam dan tol lebuh raya.
- (ii) Pembekalan diluar skop CBP contohnya pembekalan dibuat oleh kerajaan, atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun berhubung fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya seperti bayaran lesen perniagaan.
- (iii) Perkhidmatan yang diimport.

- (iv) Penjualan harta modal.
- (v) Barang dan perkhidmatan yang dibekalkan di Kawasan Yang Ditetapkan iaitu Langkawi, Tioman dan Labuan.

S3. Bagaimana saya tahu bahawa saya membuat suatu pembekalan bercukai bagi koperasi?

J3. Mana-mana barang atau perkhidmatan yang tidak terdapat di dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 adalah pembekalan bercukai. Juga terdapat barang yang diberi pelepasan daripada pembayaran CBP di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014 tetapi barang tersebut masih merupakan pembekalan bercukai.

S4. Adakah semua transaksi dalam hartanah oleh koperasi tertakluk kepada CBP?

J4. Tidak semua transaksi hartanah tertakluk kepada CBP. Penjualan dan penyewaan hartanah kediaman (bangunan diluluskan khusus bagi tujuan rumah kediaman) adalah dikecualikan dan CBP tidak dikenakan.

Transaksi melibatkan hartanah jenis lain yang tidak jatuh di bawah definisi hartanah kediaman (iaitu hartanah komersial) adalah bercukai, seperti hotel, rumah kedai, chalet, rumah penginapan dan sebagainya.

S5. Pembekalan hartanah kediaman dikecualikan daripada CBP. Adakah ini bermaksud semua kerja yang berkaitan dengan pembangunan rumah kediaman oleh sektor koperasi turut diberi pengecualian CBP?

J5. Tidak, semua perkhidmatan pembinaan adalah tertakluk kepada CBP. Walaupun jualan atau sewaan rumah kediaman dikecualikan dari CBP, apa-apa pembekalan perkhidmatan pembinaan atau apa-apa perolehan barang yang dibuat berkaitan dengan rumah kediaman adalah tertakluk kepada CBP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Panduan Industri Pmbinaan CBP.

S6. Koperasi juga terlibat dalam sektor pertanian. Adakah ia perlu berdaftar di bawah CBP?

J6. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan yang diberi di Malaysia di dalam atau penerusan perniagaan kecuali disenaraikan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan)

2014. Kebanyakan produk sektor pertanian adalah pembekalan bercukai sama ada pada kadar sifar (contohnya buah dan sayur) atau pada kadar standard (contohnya makanan yang telah diproses). Sekiranya pembekalan bercukai melebihi nilai ambang yang ditetapkan (RM500,000) dalam dua belas bulan (yang lepas atau akan datang), koperasi tersebut perlu berdaftar.

S7. Sebuah koperasi mengendalikan sebuah stesen minyak, sebuah pasar raya dan sebuah pasar mini. Apakah layanan CBP ke atas aktiviti-aktiviti tersebut?

J7. Semua aktiviti yang dijalankan oleh koperasi di atas adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Koperasi berkenaan perlu berdaftar sebagai orang yang berdaftar dengan CBP sekiranya nilai perolehan dalam 12 bulan (yang lepas atau akan datang) ke atas pembekalan bercukai melebihi RM500,000. Apabila berdaftar, koperasi tersebut layak menuntut apa-apa CBP yang telah dibayar ke atas perolehannya bagi membolehkannya menjalankan perniagaan sedemikian.

S8. Koperasi juga menjual barang kepada ahli-ahli melalui sewa beli dan jualan kredit di mana harga yang dibayar adalah secara ansuran bulanan. Bagaimana CBP di akaunkan dalam transaksi niaga ini?

J8. Terdapat dua bentuk pembekalan bagi sewa beli iaitu pembekalan barang dan pembekalan perkhidmatan (sewa beli). Pembekalan barang adalah tertakluk kepada CBP dan dikenakan ke atas nilai penuh jualan pada masa jualan berlaku. CBP tidak dikenakan ke atas faedah yang dikenakan ke atas sewa beli. Ansuran bulanan tidak tertakluk kepada CBP.

S9. Dalam perjanjian sewa beli, barang biasanya diambil semula dan dijual semula sekiranya pembeli gagal membuat bayaran ansuran kepada koperasi. Adakah koperasi perlu mengenakan CBP ke atas jualan semula barang berkaitan?

J9. Sekiranya pembeli berkenaan orang berdaftar CBP, barang yang diambil semula dan dijual semula adalah tertakluk kepada CBP (tax inclusive). CBP hendaklah diakaunkan apabila barang itu dijual selepas pengambilan semula berdasarkan kepada nilai jualan barang berkaitan. CBP tidak boleh dikenakan sekiranya pembeli bukan orang berdaftar.

S10. Koperasi memberi pinjaman kepada ahli. Adakah kemudahan tersebut tertakluk kepada CBP?

J10. Tidak, ia tidak tertakluk kepada CBP. Pemberian pinjaman adalah pembekalan dikecualikan.

S11. Koperasi mengenakan bayaran memproses (processing fee) apabila pinjaman diluluskan. Adakah bayaran memproses itu tersebut tertakluk kepada CBP?

J11. Semua bayaran memproses seperti bayaran memproses pinjaman dan bayaran pengurusan pinjaman adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Bayaran ansuran dan faedah dipungut ke atas pinjaman tidak tertakluk kepada CBP.

S12. Apakah layanan CBP terhadap dividen dan bonus yang diberikan kepada ahli-ahli koperasi?

J12. Jika dividen dan bonus yang diberikan kepada ahli-ahli koperasi adalah hasil dari syer yang dipegang oleh ahli-ahli dalam koperasi itu, ianya dianggap sebagai bukan suatu pembekalan. Jika diberi berdasarkan keuntungan yang dibuat oleh koperasi atas jualan barang (sebagai contoh), dividen dan bonus itu dianggap sebagai pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP.

S13. Koperasi menyediakan kemudahan 'Ar-Rahnu' kepada ahli-ahli dengan cara mencagarkan barang kemas sebagai cagaran untuk membayar balik pinjaman di akhir tempoh penebusan yang dipersetujui. Apakah layanan CBP ke atas kemudahan Ar-Rahnu?

J13. Peruntukan pinjaman di bawah Ar-Rahnu kepada ahli-ahli koperasi adalah pembekalan dikecualikan dan pembekalan barang kemas sebagai cagaran dianggap sebagai bukan satu pembekalan. Kedua-dua pembekalan tidak tertakluk kepada CBP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Panduan Pajak Gadai CBP.

S14. Koperasi ACE menyewa lori kepada ahli-ahlinya untuk mengangkut produk pertanian mereka. Adakah ia tertakluk kepada CBP?

J14. Menyewakan lori untuk mengangkut hasil pertanian ialah suatu pembekalan perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada CBP. Koperasi ACE perlu mengenakan CBP dan memungut CBP bagi sewaan lori daripada ahli-ahlinya jika koperasi itu berdaftar dengan CBP.

S15. Sebuah koperasi menjalankan pendidikan pra-sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak. Adakah koperasi tersebut dikehendaki berdaftar di bawah CBP?

J15. Perkhidmatan pendidikan pra-sekolah hendaklah berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 sementara pusat jagaan kanak-kanak hendaklah berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh pendidikan pra-sekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak di bawah Akta berkaitan adalah pembekalan dikecualikan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Pengusaha itu tidak perlu berdaftar CBP melainkan ia membuat pembekalan bercampur yang membekalkan kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan contohnya koperasi menjalankan pendidikan pra sekolah (pembekalan dikecualikan) bersama aktiviti pengangkutan barang atau perdagangan (pembekalan bercukai).

S16. Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) menguruskan perkhidmatan potongan gaji ahli dengan majikan ahli dan menghantar potongan itu kepada pihak koperasi. BPA mengenakan bayaran untuk menyediakan perkhidmatan tersebut. Adakah bayaran yang dikenakan tertakluk kepada CBP?

J16. Bayaran tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard, kerana bayaran yang dikenakan adalah sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan oleh BPA.

S17. ANGKASA menyediakan perkhidmatan nasihat, bimbingan dan latihan amali kepada ahli tentang bagaimana untuk mempertingkatkan prestasi koperasi. Semua perkhidmatan ini disediakan secara percuma kepada semua ahli-ahli koperasi. Adakah ANGKASA perlu mengenakan CBP ke atas perkhidmatan ini?

J17. Perkhidmatan percuma yang berikan oleh ANGKASA kepada ahli-ahli koperasi tidak tertakluk kepada CBP sebab tiada balasan (consideration) diterima.

S18. Koperasi menganjurkan persidangan, seminar dan latihan dan mengenakan bayaran penyertaan. Ia juga menanggung perbelanjaan bagi penceramah, sewaan ruang dan penyediaan makanan. Adakah bayaran penyertaan tertakluk kepada CBP dan adakah koperasi layak menuntut cukai input ke atas perbelanjaan tersebut?

J18. Sekiranya koperasi adalah orang yang berdaftar dengan CBP, koperasi tersebut hendaklah mengenakan CBP atas bayaran penyertaan. Bagi perbelanjaan menganjurkan program berkenaan, cukai input layak dituntut dengan syarat invoice cukai yang berkaitan di atas nama koperasi berkenaan.

S19. Koperasi A membayar yuran kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai yuran pengauditan tahunan. Pengauditan dijalankan oleh SKM. Adakah yuran pengauditan oleh SKM tertakluk kepada CBP?

J19. Bayaran yuran pengauditan tidak tertakluk kepada CBP kerana yuran yang dikenakan ialah sebahagian daripada fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan SKM di bawah Akta Koperasi 1993.

S20. Sebuah Bank Koperasi melantik sebuah firma audit untuk menjalankan audit tahunan ke atas akaun bank itu seperti dikehendaki oleh SKM berhubung dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan SKM. Adakah perlu CBP dikenakan ke atas bayaran yang dibuat oleh bank itu kepada firma audit tersebut?

J20. Bayaran itu adalah tertakluk kepada CBP oleh kerana pengauditan itu telah dijalankan oleh pihak ketiga.

S21. Berdasarkan senario di atas, bolehkah bank koperasi itu menuntut kredit cukai input (ITC) ke atas bayaran kepada firma audit itu?

J21. Bank koperasi tersebut layak untuk menuntut cukai input jika ia orang berdaftar CBP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Panduan Kredit Cukai Input CBP.

S22. Ali membuat potongan gaji bulanan RM500.00 kepada koperasi sebagai bayaran kepada pinjaman koperasi dan bayaran RM50.00 untuk yuran keahlian. Adakah transaksi tersebut tertakluk kepada CBP?

J22. Pinjaman koperasi adalah pembekalan yang dikecualikan seperti yang disenaraikan di dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Ali tidak perlu membayar CBP atas pinjaman itu. Berhubung bayaran keahlian, jika sebagai balasan menjadi ahli, sesebuah koperasi memberi ahlinya hanya surat berita atau jurnal yang berkaitan dengan tujuan dan objektif koperasi, pemberian itu tidak dianggap sebagai pembekalan. Oleh itu, bayaran keahlian tidak tertakluk kepada CBP.

PERTANYAAN

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor I

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

Emel: gstsector1@customs.gov.my.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada:

(a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my

(b) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-78067599
- E-mel : ccc@customs.gov.my.